



SOALAN-SOALAN LAZIM BERKENAAN BSN MyRinggit Insan-i  
(FASILITI SOKONGAN AKAUN 2 KWSP)  
FREQUENTLY ASKED QUESTION ON BSN MyRinggit Insan-i  
(EPF ACCOUNT SUPPORT FACILITY 2)

MAKLUMAT PEMBIAYAAN / PRODUCT INFORMATION	
<b>1. Apakah Fasiliti Sokongan Akaun 2 (FSA2)?</b> <i>What is Account Support Facility 2 (FSA2)?</i>	<p>Fasiliti Sokongan Akaun 2 (FSA2) adalah inisiatif Kerajaan untuk membantu ahli KWSP yang layak untuk mendapatkan pembiayaan peribadi daripada BSN iaitu <u>BSN MyRinggit Insan-i</u> dengan disokong oleh permohonan awal Pengeluaran Bersyarat Umur 50 Tahun atau 55 Tahun.</p> <p><i>Account Support Facility 2 (FSA2) an initiative from the Government to assist eligible EPF members to obtain personal financing from BSN which is <u>BSN MyRinggit Insan-i</u>, supported by an early application for Conditional Withdrawal Age 50 or 55.</i></p>
<b>2. Apakah produk BSN MyRinggit Insan-i?</b> <i>What is BSN MyRinggit Insan-i?</i>	<p><b>BSN MyRinggit Insan-i</b> adalah inisiatif kerajaan untuk membantu ahli Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) mendapatkan sumber tunai melalui pembiayaan peribadi mengikut notis pengeluaran Akaun 2 KWSP mereka.</p> <p><i>BSN MyRinggit Insan-i is a government initiative to assist Employees Provident Fund (EPF) members to obtain cash through personal financing based on their EPF Account 2 withdrawal notice.</i></p> <p>Melalui BSN MyRinggit Insan-i ini, Pelanggan akan membuat Notis Pengeluaran Bersyarat umur *50 sehingga **55 tahun di mana simpanan Pelanggan di akaun 2 KWSP (beserta dividen) tersebut akan dibayar kepada pihak bank apabila Pelanggan mencapai mana-mana umur yang dipilih oleh Pelanggan (50 sehingga 55 tahun). (“Notis Bersyarat”)</p> <p><i>Through BSN MyRinggit Insan-i, the Customer will make a Conditional Notice For Withdrawal at the age of *50 to **55 years where the Customer's savings in the EPF account 2 (along with dividends) will be paid to the bank when the Customer reaches any age opted by the Customer (50 to 55 years). (“Conditional Notice “)</i></p> <p><b>Notis Bersyarat yang dikemukakan oleh Pelanggan kepada KWSP hendaklah dikemukakan hanya sekali dalam tempoh masa di antara 15 April 2023 sehingga 4 April 2024.</b></p> <p><i>The Conditional Notice must be submitted by the Customer to EPF only once during the period between of 15 April 2023 until 4 April 2024.</i></p> <p><b>Fasiliti ini ditawarkan bermula 14 April 2023 sehingga 4 April 2024.</b></p> <p><i>This facility is offered from 14 April 2023 until 4 April 2024.</i></p>
<b>3. Bilakah tarikh untuk ahli-ahli KWSP memohon BSN MyRinggit Insan-i?</b> <i>When can EPF Members to apply for BSN MyRinggit Insan-i?</i>	<p><b>Ahli KWSP yang layak boleh mengemukakan permohonan BSN MyRinggit Insan-i bermula 14 April 2023 hingga 4 April 2024. Semua permohonan mesti diterima oleh pihak BSN Bank pada atau sebelum 4 April 2024.</b></p> <p><i>Eligible EPF members can submit BSN MyRinggit Insan-i application from 14 April 2023 to 4 April 2024. All applications must be received by BSN Bank before or on 4 April 2024.</i></p>
<b>4. Berapakah kadar keuntungan BSN MyRinggit Insan-i?</b> <i>What is the profite rate for BSN MyRinggit Insan-i?</i>	<p><b>Kadar keuntungan bagi pembiayaan ini adalah bersamaan dengan Kadar Asas Standard (KAS) + 1.75% setahun = 4.50% setahun. KAS semasa adalah 2.75% setahun.</b></p> <p><i>The profit rate is equivalent to Standardised Base Rate (SBR) + 1.75% per annum = 4.50% per annum. Current SBR is 2.75% per annum.</i></p>

<b>5. Berapakah jumlah amaun pembiayaan yang ditawarkan? / What is the total amount of financing offered?</b>
<p><b>Jumlah pembiayaan yang ditawarkan adalah seperti berikut: / The financing amount offered is as follows:</b></p> <p>a) <b>Jumlah minimum: RM3,000 / Minimum amount: RM3,000</b></p> <p>b) <b>Jumlah maksimum: RM50,000 / Maximum amount: RM50,000</b></p>
<b>6. Berapa lamakah tempoh pembiayaan ditawarkan? How long is the financing tenure offered?</b>
<p><b>Sehingga 10 tahun atau sehingga mencapai umur 55 tahun pada akhir tempoh pembiayaan, yang mana lebih awal.</b></p> <p><i>Up to 10 years or upon attaining the age of 55 years old at the end of the financing tenure, whichever is earlier.</i></p>
<b>7. Berapa lama proses permohonan akan mengambil masa? What is the duration of the application process?</b>
<p><b>Permohonan akan diproses dalam tempoh 5 hari bekerja dari tarikh Borang Permohonan beserta dokumen sokongan yang lengkap diterima oleh BSN.</b></p> <p><i>The application will be processed within 5 working days from the date the Application Form as well as complete supporting documents are received by BSN.</i></p>
<b>8. Mengapakah fasiliti ini hanya terhad kepada ahli KWSP berumur 40 tahun ke atas sahaja? Why is this facility only limited to EPF members aged 40 and above only?</b>
<p><b>Fasiliti ini akan dilaksanakan dalam dua fasa, di mana Fasa Pertama dibuka kepada ahli yang berumur 40 tahun ke atas. Ini kerana tempoh maksimum pembiayaan peribadi di bawah fasiliti ini adalah 10 tahun, dan bagi melayakkan Pengeluaran Umur 50 Tahun atau 55 Tahun dibuat, hanya ahli berumur 40 tahun ke atas sahaja yang boleh menyertai fasiliti ini buat masa ini.</b></p> <p><b>Contoh: Jika ahli memohon fasiliti ini pada umur 40 tahun, maka pembiayaan peribadi ini akan matang apabila ahli berumur 50 tahun, seterusnya ahli boleh membuat Pengeluaran Bersyarat Umur 50 Tahun. Fasa Kedua pula akan dibuka kepada ahli di bawah umur 40 tahun setelah semua perkara berkaitan terma dan syarat berkaitan pembiayaan peribadi tersebut telah dimuktamadkan oleh semua pihak yang terlibat.</b></p> <p><i>This facility will be implemented in two phases, where the First Phase is open to members aged 40 years and above. This is because the maximum period of personal financing under this facility is 10 years, and in order to qualify for the Age 50 or 55 Withdrawal to be made, only members aged 40 and above can participate in this facility for now.</i></p> <p><i>Example: If a member applies for this facility at the age of 40, then this personal financing will mature when the member is 50 years old, then the member can make a Conditional Withdrawal at the age of 50. The Second Phase will be opened to members under the age of 40 after all matters related to the terms and conditions related to personal financing have been finalised by all parties involved.</i></p>
<b>9. Bagaimanakah saya boleh menyemak jumlah simpanan Akaun 2 KWSP sebelum membuat permohonan BSN MyRinggit Insan-i? How can I check the amount of EPF Account 2 savings before applying for BSN MyRinggit Insan-i?</b>
<p><b>Jumlah simpanan Akaun 2 KWSP boleh disemak melalui: Account 2 KSWP savings amount can be checked via:</b></p> <p>a) <b>Laman web i-Akaun / Aplikasi mudah alih i-Akaun; atau i-Akaun website / i-Akaun mobile application; or</b></p> <p>b) <b>Terminal Layan Diri (SST) di mana-mana cawangan KWSP / Self Service Terminal (SST) at any EPF branch.</b></p>
<b>10. Adakah Akaun 1 KWSP layak untuk Pengeluaran Bersyarat Umur 50 atau 55 tahun? Is EPF Account 1 eligible for Age 50 or 55 Conditional Withdrawal?</b>
<p><b>Hanya Akaun 2 KWSP dibenarkan untuk Umur Pengeluaran Bersyarat 50 atau 55. Akaun 1 KWSP Tidak Dibenarkan. / Only EPF Account 2 is allowed for Conditional Withdrawal Age 50 or 55. EPF Account 1 is Not Allowed</b></p>

## PROSEDUR DAN KRITERIA PERMOHONAN / APPLICATION CRITERIA AND PROCEDURE

### 11. Bagaimana untuk memohon Pembiayaan Peribadi BSN MyRinggit Insan-i?

*How to apply for BSN MyRinggit Insan-i Personal Financing?*

Permohonan adalah secara dalam talian di [www.bsn.com.my/page/Insan-i](http://www.bsn.com.my/page/Insan-i)

*Online application at [www.bsn.com.my/page/Insan-i](http://www.bsn.com.my/page/Insan-i)*

### 12. Apakah kriteria kelayakan untuk memohon BSN MyRinggit Insan-i?

*What are the eligibility criteria to apply for BSN MyRinggit Insan-i?*

- a) **Berumur di antara 40 – 50 tahun sewaktu memohon.**  
*Age between 40 – 50 years old at the point of application.*
- b) **Ahli KWSP (mendaftar i-Akaun dengan KWSP) yang mempunyai baki simpanan minimum RM3,000 di dalam Akaun 2 KWSP.**  
*EPF members (registered i-Akaun with EPF) who have a minimum savings of RM3,000 in EPF Account 2.*
- c) **Memahami dan menerima Kesedaran dan Kefahaman Mengenai Fasilitas Sokongan Akaun 2 di halaman / laman web BSN**  
*Understand and accept Kesedaran dan Kefahaman Mengenai Fasilitas Sokongan Akaun 2 on BSN landing page / webpage*
- d) **Melepasi semakan kredit BSN termasuk penilaian kelayakan.**  
*Fulfilled BSN's credit checking which includes affordability assessment.*

**Selanjutnya, pemohon perlu melengkapkan permohonan di dalam talian dan lain-lain maklumat yang diperlukan beserta dokumen sokongan. / Next, applicant is required to complete the online application and other necessary information along as well as supporting documents.**

### 13. Apakah dokumen sokongan yang diperlukan semasa memohon?

*What are the supporting documents required to apply for BSN MyRinggit Insan-i?*

**Dokumen yang perlu disediakan dan harus dimuat naik secara dalam talian adalah seperti berikut:**

*The supporting documents required that must be uploaded online are as follows:*

- a) **Kad pengenalan (depan dan belakang – dalam bentuk digital)**  
*Identity Card (front and back – in digital form)*
- b) **Borang Permohonan BSN MyRinggit Insan-i (dilengkapkan secara atas talian); / BSN MyRinggit Insan-i Application Form (to be completed online);**
- c) **Penyata Pendedahan Produk diterima dan dimuat turun; / Product Disclosure Sheet is accepted and downloaded;**
- d) **Memahami dan menerima Kesedaran dan Kefahaman mengenai Fasilitas Sokongan Akaun 2 - Senarai semak soal selidik melalui laman web BSN yang lengkap;**  
*Understand and accept Kesedaran dan Kefahaman mengenai Fasilitas Sokongan Akaun 2 - Questionnaires checklist via BSN webpage;*
- e) **Dokumen pendapatan (atas permintaan BSN) / Income document (upon BSN's request);**
- f) **Lain-lain dokumen yang mungkin diperlukan oleh BSN. / Other documents that may be required by BSN.**

### 14. Jika saya layak untuk pembiayaan sehingga RM10,000 tetapi saya hanya memohon sebanyak RM5,000/- dan jumlah RM5,000 tersebut diluluskan oleh pihak Bank, adakah saya boleh memohon kali kedua untuk baki amaun kelayakan sebanyak RM5,000?

*If I am eligible to apply up to RM10,000 but i only applied for RM5,000 dan only RM5,000 is approved by the BSN, can i submit another application for the remaining eligible amount of RM5,000?*

**Tidak. Hanya Satu (1) permohonan dibenarkan dengan jumlah yang layak. Permohonan berbilang dan jumlah separa tidak dibenarkan.**

*No. Only One (1) application is allowed with the eligible amount. Multiple applications and partial amounts are not allowed.*

### 15. Bolehkah saya memohon BSN MyRinggit Insan-i bersama pasangan saya?

*Can I apply BSN MyRinggit Insan-i with my spouse?*

**Tidak. Kemudahan Insan-i adalah hanya untuk Individu. Permohonan bersama tidak dibenarkan.**

*No. BSN MyRinggit Insan-i facility is only for Individuals. Joint applications are not allowed.*

### 16. Bolehkah saya memohon kemudahan BSN MyRinggit Insan-i jika saya mempunyai tindakan undang-undang atau mempunyai rekod CCRIS yang tidak konsisten?

*Can I apply for BSN MyRinggit Insan-i facility if I have a Legal Action or have an inconsistent CCRIS record?*

<p><b>Ya, anda boleh memohon, walau bagaimanapun kelulusan adalah tertakluk kepada terma &amp; syarat yang ditetapkan oleh BSN.</b>  <i>Yes, you may apply, however approval is subject to the terms &amp; conditions set by BSN.</i></p>
<p><b>17. Sekiranya saya telah memohon BSN MyRinggit Insan-i ini dengan BSN, adakah saya boleh memohon dengan lain-lain institusi kewangan yang menawarkan pembiayaan yang sama?</b>  <i>If I already applied for BSN MyRinggit Insan-i, can I apply with other financial institutions that offer the same financing?</i></p>
<p><b>Hanya satu sahaja permohonan akan diterima untuk pemprosesan.</b>  <i>Only one application will be accepted for processing.</i></p>
<p><b>18. Adakah terdapat sebarang caj yang akan ditolak daripada jumlah pembiayaan yang dipohon selepas pembiayaan tersebut diluluskan?</b>  <i>Is there any charges to be deducted from the approved financing amount?</i></p>
<p><b>Ya, terdapat caj-caj berkaitan pembiayaan termasuk caj caruman takaful (mandatori). Jumlah pembiayaan bersih yang akan diterima oleh pelanggan adalah selepas ditolak amaun caj-caj berkaitan tersebut.</b>  <i>Yes, there will be charges related to the financing including takaful contribution (mandatory). The financing amount to be received by the customer would be the net amount after the deduction of the said charges.</i></p>
<p><b>MAKLUMAT SELEPAS PERMOHONAN/ POST APPLICATION INFORMATION</b></p>
<p><b>19. Bagaimana untuk menyemak status permohonan saya?</b>  <i>How do I check my application status?</i></p>
<p><b>Semak status permohonan anda melalui di <a href="http://www.bsn.com.my/page/Insan-i">www.bsn.com.my/page/Insan-i</a>.</b>  <i>Check your application status at <a href="http://www.bsn.com.my/page/Insan-i">www.bsn.com.my/page/Insan-i</a>.</i></p>
<p><b>20. Bagaimana untuk saya mengetahui keputusan permohonan saya?</b>  <i>How do I know the result of my application?</i></p>
<p><b>Pelanggan akan menerima keputusan permohonan sama ada lulus atau gagal melalui SMS. Jika diluluskan, amaun Pembiayaan akan dikreditkan ke dalam akaun BSN Giro/Giro-i ATAU akaun pelanggan dengan lain-lain institusi kewangan berdasarkan maklumat pelanggan semasa permohonan.</b>  <i>Customer will be notified on the application result either successful or rejected via SMS. If approved, the financing amount will be credited into the customer's BSN Giro/Giro-i account OR other financial institution's account based on the customer's information during application.</i></p>
<p><b>21. Adakah Surat Tawaran akan dikeluarkan oleh BSN kepada saya untuk pembiayaan ini ?</b>  <i>Will there be a letter of offer issued by Bank to for this financing?</i></p>
<p><b>Surat Tawaran akan dipaparkan dalam talian dan perlu dibaca, difahami dan diterima juga dalam talian.</b>  <i>Letter of Offer will be uploaded online and you are required to read, understand and accept it online.</i></p>
<p><b>22. Apakah yang menyebabkan permohonan BSN MyRinggit Insan-i saya tidak diluluskan, walaupun telah memenuhi syarat-syarat kelayakan awal?</b>  <i>What causes my BSN MyRinggit Insan-i application not approved, even though initial eligibility requirements are met?</i></p>
<p>a) <b>Baki simpanan dalam Akaun 2 adalah kurang daripada amaun pembiayaan yang dipohon atau;</b>  <i>The balance in Account 2 saving is less than the financing amount applied or;</i>  b) <b>Tidak menepati terma dan syarat lain.</b>  <i>Does not meet the other terms and conditions.</i></p>
<p><b>23. Bolehkah saya menolak permohonan BSN MyRinggit Insan- i selepas mendapat kelulusan dari BSN?</b>  <i>Can I decline my BSN MyRinggit Insan-i application after approval by BSN ?</i></p>
<p><b>Setelah permohonan diluluskan, peminjam Tidak Dibenarkan menolak BSN MyRinggit Insan- i.</b>  <i>Once the application is approved, the borrower is not allowed to decline BSN MyRinggit Insan-i.</i></p>
<p><b>24. Adakah permohonan BSN MyRinggit Insan-i ini boleh dibatalkan?</b>  <i>Can BSN MyRinggit Insan-i application be cancelled?</i></p>

Permohonan BSN MyRinggit Insan-i tidak boleh dibatalkan setelah ianya diluluskan. Permohonan hanya terbatal dalam keadaan seperti berikut:

- a) Meninggal dunia sebelum mencapai umur pilihan pengeluaran yang dinyatakan dalam permohonan awal Pengeluaran Bersyarat Umur 50 Tahun atau 55 Tahun; atau
- b) Pembiayaan BSN MyRinggit Insan-i telah selesai dibayar. Pelanggan atau BSN perlu memaklumkan KWSP mengenai penyelesaian BSN MyRinggit Insan-i.

*Cancellation of BSN MyRinggit Insan-i application is not allowed after it has been approved. The application is only canceled in the following circumstances:*

- a) *Death before reaching the withdrawal option age specified in the initial application for Conditional Withdrawal Age 50 or 55; or*
- b) *Full settlement of BSN MyRinggit Insan-i financing. Customer or BSN must notify EPF on BSN MyRinggit Insan-i settlement*

#### **MAKLUMAT BAYARAN ANSURAN BULANAN / MONTHLY INSTALLMENT INFORMATION**

**25. Adakah saya perlu membuat pembayaran ansuran bulanan atau menunggu sehingga pengeluaran simpanan Akaun 2 KWSP pada umur 50 sehingga 55 tahun di tolak sebagai pembayaran penuh?**

*Do I have to make payment for the financing or wait until the withdrawal of EPF Account 2 savings at the age of 50 to 55 to be deducted for the full settlement?*

**Ya, anda perlu membayar secara ansuran setiap bulan sehingga penyelesaian penuh.**

*Yes, you are required to pay the monthly instalment until full settlement.*

**26. Sekiranya permohonan saya berjaya, bilakah pembayaran ansuran akan bermula?**

*If my application is successful, when will the instalment payments start?*

a) **Bayaran ansuran bulanan pertama akan bermula pada tarikh amaun pembiayaan penuh diterima pada bulan seterusnya dan/atau pada tarikh yang akan diputuskan oleh BSN mengikut budi bicara.**

*The first month instalment payment will start on next month after the financing amount is fully disbursed and /or on a date to be decided at BSN's discretion.*

b) **Ansuran bulanan untuk bulan-bulan berikutnya adalah pada tarikh yang sama setiap bulan sehingga tamat tempoh pembiayaan.**

*Monthly instalment for the following months are on the same date of every month until the end of the financing tenure.*

**27. Bagaimanakah cara untuk membuat pembayaran ansuran bulanan?**

*How to make monthly installment payments?*

**Pembayaran ansuran bulanan boleh dilakukan melalui: / Monthly installments can be paid via:**

- a) **Secara tunai di kaunter BSN; atau / Cash at the BSN counter; or**
- b) **Arahan Tetap Akaun Giro-i BSN ; atau / Standing Instruction from BSN Giro-i Account; or**
- c) **Arahan Tetap daripada Institusi Kewangan lain ; atau / Standing Instruction from other Financial Institutions; or**
- d) **Melalui IBG/ ATM / CDM / MyBSN / Through IBG / ATM / CDM / MyBSN**

**28. Adakah saya dibenarkan untuk membuat penjelasan awal pembiayaan?**

*Am I allowed to make an early settlement of the financing?*

a) **Penjelasan awal dibenarkan pada bila-bila masa dengan mengemukakan notis secara bertulis kepada Bank dan KWSP. Early settlement is allowed at any time by giving a written notice to the Bank dan EPF.**

b) **lbra' (rebat) akan diberikan pada baki pembiayaan sekiranya penjelasan awal pembiayaan dibuat.**

*lbra' (rebate) will be given on the balance payable under the financing as a result of early settlement.*

c) **Bank juga berhak untuk mengenakan sebarang yuran dan caj yang mewakili kos sebenar yang didahulukan oleh BSN untuk pembiayaan atau sebarang kos sebenar yang ditanggung oleh Bank atas penjelasan awal pembiayaan mengikut peraturan yang ditetapkan oleh BNM.**

*The Bank also reserves the right to charge any fees and charges that represent the actual cost advanced by BSN for the Financing or any actual cost incurred by the Bank as a result of the early settlement of the Financing in accordance with the regulations set by BNM.*

**29. Apa yang perlu saya lakukan sekiranya saya gagal / tidak mampu untuk membayar ansuran bulanan?**

*What should I do if I failed / I could not afford to pay monthly instalment payment?*

**Pelanggan mempunyai pilihan untuk mengemukakan cadangan pembayaran balik kepada pihak Bank dan / atau digalakkan untuk merujuk kepada Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) untuk mendapatkan khidmat nasihat kewangan berkaitan pembiayaan berkenaan.**

*Customers have the option to propose their payment arrangement to the Bank and/or are encouraged to refer to the Credit Counseling and Management Agency (AKPK) to obtain financial advice related to the financing.*

<p><b>30. Apa yang akan berlaku sekiranya saya gagal / lewat membuat pembayaran selepas tarikh akhir bayaran bulanan?</b>  <i>What will happen if I failed to make payment / make late payment?</i></p>
<p><b>Jika berlaku sebarang kegagalan/kelewatan pembayaran ianya akan menjejaskan rekod kewangan / kredit di dalam laporan Central Credit Reference Information System (CCRIS) dan Credit Tip-Off Service (CTOS) pelanggan.</b>  <i>If there is any default or delay in the instalment payment(s), it may affect the customers' financial records in the Central Credit Reference Information System (CCRIS) and Credit Tip-Off Service (CTOS).</i></p>
<p><b>MAKLUMAT LAIN / OTHER INFORMATION</b></p>
<p><b>31. Mengapakah KWSP membenarkan permohonan awal Pengeluaran Bersyarat Umur 50 Tahun atau 55 Tahun?</b>  <i>Why does the EPF allow the early application of Conditional Withdrawal Age 50 or 55?</i></p>
<p><b>Permohonan awal ini akan membolehkan ahli mengambil kira simpanan yang ada dalam Akaun 2 untuk mendapatkan pembiayaan peribadi BSN MyRinggit Insan- i daripada BSN di mana bayaran pengeluaran untuk menyelesaikan baki pembiayaan (sekiranya masih ada) hanya akan dibuat kepada pihak BSN apabila ahli telah mencapai umur 50 tahun hingga 55 tahun, tertakluk kepada pilihan umur pengeluaran ahli.</b>  <i>This application will allow members to take into account the savings in Account 2 to obtain BSN MyRinggit Insan-i from BSN where the withdrawal payment to settle the remaining financing (if still available) will only be made to BSN when the member has reached the age of 50 years to 55 years, subject to the member's choice of withdrawal age.</i></p>
<p><b>32. Apakah kesan kepada ahli KWSP yang membuat permohonan awal Pengeluaran Bersyarat Umur 50 Tahun atau 55 Tahun?</b>  <i>What is the effect on EPF members who make an early application for Conditional Withdrawal Age 50 or 55?</i></p>
<p><b>Setelah permohonan awal Pengeluaran Bersyarat Umur 50 Tahun atau 55 Tahun diluluskan oleh KWSP, maka:</b>  <i>Once the application for Conditional Withdrawal Age 50 or 55 is approved by EPF, then</i></p> <p>a) <b>Amaun tersebut berserta dividen terkumpul akan dibayar kepada BSN apabila ahli telah mencapai umur pilihan pengeluaran di antara umur 50 tahun hingga 55 tahun (seperti yang dipilih oleh ahli); dan</b>  <i>The said amount together with the accumulated dividend will be paid to BSN when the member has reached the preferred withdrawal age between the ages of 50 years and 55 years (as chosen by the member); and</i></p> <p>b) <b>Ahli boleh membuat pengeluaran pra-persaraan lain tertakluk kepada baki simpanan Akaun 2 selepas ditolak amaun Pengeluaran Bersyarat Umur 50 Tahun atau 55 Tahun.</b>  <i>Members can make other pre-retirement withdrawals subject to the savings balance of Account 2 after deducting the Age 50 or 55 Age Conditional Withdrawal amount.</i></p>